A

IDRIS SIDEK

lwn.

PP

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR
AHMADI ASNAWI PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42-26-2006]
23 MEI 2008

C ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Hukuman - Kesetimpalan - Sumbang mahram - Kesalahan ulangan - Pertimbangan kehendak masyarakat - Pengakuan salah - Faktor usia - Sama ada kaedah-kaedah yang patut digunapakai - Sama ada kepentingan awam mengambil keutamaan - Sama ada mahkamah patut campurtangan dengan hukuman-hukuman*
D *yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Kesetimpalan - Sumbang mahram - Sama ada kesalahan-kesalahan adalah berlainan dari segi waktu dan tempat - Sama ada hendaklah dijatuhkan hukuman*
E *berasingan - Sama ada mahkamah patut campurtangan dengan hukuman-hukuman yang diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen*

Perayu/Orang Kena Tuduh (OKT) telah dituduh dengan pertuduhan-pertuduhan (a) melakukan sumbang mahram ke atas NN (mangsa) pada bulan Ogos 2003 sehingga Januari 2005 yang
F ketika itu berumur 12 tahun 7 bulan sehingga berumur 14 tahun dan (b) melakukan sumbang mahram pada bulan Februari 2005 dengan mangsa yang ketika itu berumur 14 tahun 1 bulan. Oleh yang demikian, OKT telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 376B Kanun Keseksaan. Kedua-dua
G pertuduhan terpinda tersebut telah dibacakan kepada perayu, dan beliau telah mengaku salah terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut, serta memahami sifat dan akibat pengakuannya. Perayu di dalam kes ini adalah merupakan bapa tiri kepada mangsa. Beliau telah berkahwin dengan ibu mangsa (pengadu) pada 1 April 2001
H di Indonesia. Pada 4 Jun 2006 pengadu telah melawat mangsa di Hospital Melaka dan mendapati anaknya telah melahirkan seorang bayi lelaki. Mangsa telah memaklumkan kepada ibunya bahawa bapa tirinya (tertuduh) telah merogolnya berulangkali sejak Ogos 2003 sehingga Januari 2005 di tempat-tempat yang dinyatakan
I dalam tuduhan. Pengadu telah membuat aduan, dan tertuduh telah ditangkap pada 5 Jun 2005 dan dituduh dengan pertuduhan-pertuduhan yang dinyatakan dan telah mengaku salah terhadap

kesemua pertuduhan tersebut. Mahkamah telah menyabitkan tertuduh dengan pertuduhan-pertuduhan tersebut dan telah menjatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun dan 8 sebatan bagi setiap kesalahan, dan hukuman penjara tersebut diperintahkan untuk berjalan berturutan. Perayu telah tidak berpuashati dan merayu terhadap hukuman berkenaan.

Diputuskan:

(1) Hukuman yang wajar dan sesuai dikenakan terhadap tertuduh di dalam kes ini hendaklah menunjukkan atau menggambarkan apa yang dikehendaki oleh masyarakat awam. Fakta menunjukkan bahawa perayu telah mula merogol anak tirinya sejak Ogos 2003 sehinggalah Februari 2005 dan tanpa mengira tempat termasuklah di pondok reban ayam. Perbuatan tersebut berlaku berulangkali sehingga mangsa mengandung dan melahirkan seorang anak. Inses bukan sahaja merupakan jenayah, tetapi adalah dosa yang sukar untuk dimaafkan oleh mana-mana masyarakat. Hakim Sesyen telah tidak melakukan sebarang kekhilafan di dalam menjatuhkan hukuman kepada tertuduh. Malahan beliau telah mengambilkira dan mempertimbangkan kehendak masyarakat bagi jenayah sebegini. (perenggan 8 & 10)

(2) Pengakuan salah seseorang terhadap sesuatu pertuduhan bukanlah merupakan satu-satunya faktor yang akan dipertimbangkan oleh mahkamah di dalam menentukan hukuman yang sesuai untuk dikenakan terhadap seseorang tertuduh. Ianya bukanlah satu kaedah yang mesti digunapakai di dalam semua kes dan di dalam setiap keadaan. Pengakuan salah akan dipertimbangkan bagi faedah tertuduh hanya apabila semua faktor dan keadaan yang mengelilingi perlakuan jenayah tersebut menjustifikasikan pertimbangan sedemikian. Selain dari itu, sesuatu pengakuan salah tidak akan dipertimbangkan oleh mahkamah dan kepentingan awam akan mengatasi faktor-faktor peringanan yang dikemukakan oleh tertuduh. Keadaan di dalam kes ini adalah mewajarkan mahkamah untuk tidak mengambilkira pengakuan salah tertuduh apabila kepentingan awam mengambil keutamaan di dalam kes tersebut. (perenggan 12 & 13)

(3) Mengenai faktor usia tertuduh, walaupun ianya boleh dipertimbangkan oleh mahkamah semasa menjatuhkan hukuman tetapi ianya hendaklah dipertimbangkan dengan mengambilkira kesan keseluruhan kesemua faktor-faktor yang lain. Faktor usia

A tertuduh yang telah menjangkau 52 tahun bukanlah satu-satunya faktor yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah, dan sepatutnya tidak dipertimbangkan langsung oleh mahkamah di dalam menjatuhkan hukuman bagi kesalahan sebegini. (perenggan 14)

B

(4) Kedua-dua kesalahan tersebut adalah merupakan kesalahan yang berlainan dari segi waktu dan tempat dan pada prinsipnya kesalahan-kesalahan yang sedemikian hendaklah dijatuhnya hukuman-hukuman yang berasingan. Oleh yang demikian,
C mahkamah berpendapat bahawa hukuman penjara yang berturut-turut yang dijatuhkan oleh Hakim Sesyen berkenaan adalah betul serta teratur menurut prinsip penghakiman yang telah sedia ada. Mahkamah ini tidak berhasrat untuk campurtangan dengan hukuman-hukuman yang diberikan oleh
D Hakim Mahkamah Sesyen yang mengendalikan kes ini kerana ianya adalah teratur serta menurut lunas-lunas yang ditetapkan oleh undang-undang. (perenggan 15, 17 & 18)

[Perintah seharusnya.]

E **Kes-kes yang dirujuk:**

Bachik Abdul Rahman v. PP [2004] 2 CLJ 572 CA ***(dirujuk)***

Bhandulananda Jayatilake v. PP [1981] 1 LNS 139 FC ***(dirujuk)***

Chandra Sekaran Ramiyah & Anor v. PP [2000] 3 CLJ 293 CA ***(dirujuk)***

Datuk Sahar Arpan v. PP [2007] 1 CLJ 326 CA ***(dirujuk)***

F *Ismail Rasid v. PP [1999] 4 CLJ 402 HC* ***(dirujuk)***

Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 SC ***(dirujuk)***

Mohd Zandere Arifin v. PP [2006] 5 CLJ 663 HC ***(dirujuk)***

New Tuck Shen v. PP [1982] CLJ 38; [1982] CLJ (Rep) 606 HC ***(dirujuk)***

G *PP v. Dato' Balwant Singh [2002] 4 CLJ 155 HC* ***(dirujuk)***

PP v. Dato' Waad Mansor [2005] 1 CLJ 421 FC ***(dirujuk)***

PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC ***(dirujuk)***

PP v. Mohamed Nor & Ors [1985] 1 LNS 25 SC ***(dirujuk)***

PP v. Pretum Singh Lall Singh [2004] 6 CLJ 521 HC ***(dirujuk)***

H *PP v. Yap Huat Heng [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ (Rep) 645 HC* ***(dirujuk)***

Sau Soo Kim v. PP [1975] 1 LNS 158 FC ***(dirujuk)***

Tan Bok Yeng v. PP [1972] 1 LNS 145 HC ***(dirujuk)***

Yit Kean Hong v. PP [2005] 4 CLJ 592 CA ***(dirujuk)***

I *Bagi pihak PP - Mohd Ashroff Adrin Kamarul DPP*

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Ahmadi Asnawi PK:

[1] Di dalam kes ini orang kena tuduh (OKT)/perayu telah dituduh dengan pertuduhan-pertuduhan seperti berikut:

Pertuduhan Pindaan Pertama

Bahawa kamu pada bulan Ogos 2003 sehingga Januari 2005 di rumah tak bernombor di Kg Sawah Baru, Labis, dalam Daerah Segamat, dalam Negeri Johor Darul Takzim telah melakukan sumbang mahram ke atas NN (S/B No. 7778775), ketika itu berusia 12 tahun 7 bulan sehingga berumur 14 tahun. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376B Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Pindaan Kedua

Bahawa kamu pada bulan Februari 2005 di pondok Reban Ayam, Chua Mon San, Tenang di dalam Daerah Segamat, di dalam Negeri Johor telah didapati melakukan sumbang mahram ke atas NN (S/B No. 7778775) yang ketika itu berumur 14 tahun 1 bulan. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376B Kanun Keseksaan.

[2] Kedua-dua pertuduhan terpinda tersebut telah dibacakan kepada perayu, dan beliau telah mengaku salah terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut, serta memahami sifat dan akibat pengakuannya. Fakta ringkas telah dikemukakan dan dibacakan kepada perayu, dan ianya telah diakui benar oleh perayu. Berikut adalah ringkasan fakta kes tersebut. Perayu di dalam kes ini adalah merupakan bapa tiri kepada mangsa. Beliau telah berkahwin dengan ibu mangsa (pengadu) pada 1 April 2001 di Indonesia. Pada 4 Jun 2006 pengadu telah melawat mangsa di Hospital Melaka dan mendapati anaknya telah melahirkan seorang bayi lelaki. Mangsa telah memaklumkan kepada ibunya bahawa bapa tirinya telah merogol beliau. Menurut mangsa, beliau telah dirogol oleh bapa tirinya (tertuduh) berulangkali sejak Ogos 2003 sehingga Januari 2005 di tempat-tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan. Setelah mengetahui bahawa mangsa telah mengandung, tertuduh telah melarikan mangsa ke Melaka, dan di sana mangsa telah melahirkan bayi tersebut.

[3] Pengadu telah membuat aduan, dan tertuduh telah ditangkap pada 5 Jun 2005 dan dituduh dengan pertuduhan-pertuduhan yang dinyatakan dan telah mengaku salah terhadap kesemua pertuduhan tersebut. Mahkamah telah menyabitkan tertuduh dengan pertuduhan-petuduhan tersebut dan menjatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun dan 8 sebatan bagi setiap kesalahan, dan hukuman penjara tersebut diperintahkan untuk berjalan berturutan. Perayu telah tidak berpuashati dan merayu terhadap hukuman berkenaan.

[4] Pada amnya, kuasa untuk mengenakan sesuatu hukuman dan menentukan tempoh sesuatu hukuman adalah terletak kepada hakim yang membicarakan kes berkenaan (*New Tuck Shen v. Public Prosecutor* [1982] CLJ 38; [1982] CLJ (Rep) 606). Adalah menjadi kebiasaan kepada mahkamah yang mendengar sesuatu rayuan untuk tidak campurtangan dengan perlaksanaan kuasa budibicara yang dijalankan oleh mahkamah bawahan tersebut melainkan dapat ditunjukkan kepada mahkamah yang dirayu bahawa hukuman yang dikenakan tersebut adalah khilaf di sisi undang-undang dan memerlukan campurtangan dari mahkamah yang dirayu. Prinsip ini telah diterangkan oleh Abdul Hamid Omar CJ di dalam kes *Public Prosecutor v. Mohamed Nor & Ors* [1985] 1 LNS 25 sebagaimana berikut:

> In this regard we would observe that it is the established principle that an appellate court should be slow to interfere with or disturb a sentence passed by the court below unless it is manifestly wrong in the sense of being illegal or of being unsuitable to the proved facts and circumstances.
>
> And the mere fact that another court might pass a different sentence provides no reason for the appellate court to interfere if the court below applies the correct principles in the assessment of the sentence.

[5] Sementara itu di dalam kes *Bhandulananda Jayatilake v. Public Prosecutor* [1981] 1 LNS 139, Raja Azlan Shah telah menerangkan kenapa dan mengapa mahkamah yang mendengar sesuatu rayuan menolak untuk campurtangan dengan perlaksanaan kuasa budibicara di dalam menjatuhkan sesuatu hukuman. Menurut beliau:

> Is the sentence harsh and manifestly excessive? We would paraphrase it in this way. As this is an appeal against the exercise by the learned judge of a discretion vested in him, is the sentence so far outside the normal discretionary limits as to enable this court to say that its imposition must have involved an error of law of some description? I have had occasion to say elsewhere, that the very concept of judicial discretion involves a right to choose between more than one possible course of action upon which there is room for reasonable people to hold differing opinions as to which is to be preferred. That is quite inevitable. Human nature being what it is, different judges applying the same principles at the same time in the same country to similar facts may sometimes reach different conclusions (see *Jamieson v. Jamieson* [1952] AC 525). It is for that reason that some very conscientious judges have thought it their duty to visit particular crimes with exemplary sentences; whilst others, equally conscientious, have thought it their duty to view the same crimes with leniency. Therefore sentences do vary in apparently similar circumstances with the habit of mind of the particular judge. It is for that reason also that this court has said it again and again that it will not normally interfere with sentences, and the possibility or even the probability, that another court would have imposed a different sentence is not sufficient *per se* to warrant this court's interference.

[6] Ternyata bahawa mahkamah yang mendengar sesuatu rayuan tidak akan campurtangan dalam proses penghukuman kerana ianya adalah melibatkan perlaksanaan budibicara berdasarkan kepada fakta dan keadaan yang mengelilingi sesuatu kes (*Datuk Sahar Arpan v. PP* [2007] 1 CLJ 326). Apa yang penting, di dalam melaksanakan budibicara kehakiman tersebut mahkamah hendaklah memerhatikan dan mematuhi prinsip-prinsip penghukuman untuk menentukan apakah hukuman dan tempoh hukuman yang setimpal di dalam keadaan kes tersebut. Bagi maksud tersebut, beberapa faktor perlu dipertimbangkan oleh mahkamah, dan faktor-faktor itu adalah sepertimana yang dijelaskan oleh Mahkamah Agong di dalam kes *Mohd. Abdullah Ang Swee Kang v. Public Prosecutor* [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 iaitu:

> In assessing the length of custodial sentence, the court must look at the overall picture in perspective by considering, firstly, the gravity of the type of offence committed; secondly, the facts in the commission of the offence; thirdly, the presence or absence of mitigating factors, and fourthly, the sentences that have been imposed in the past for similar offences to determine the trend of sentencing policy, if any.

[7] Faktor lain yang juga akan diambilkira oleh mahkamah adalah sifat kesalahan dan bagaimana kesalahan itu dilakukan, dan hukuman yang dijatuhkan terhadap tertuduh hendaklah menggambarkan kepentingan awam, iaitu terdapatnya keperluan untuk mengenakan hukuman deteren bagi mencegah mana-mana orang lain dari melakukan kesalahan yang serupa (*Tan Bok Yeng v. Public Prosecutor* [1972] 1 LNS 145). Bagaimanapun, kepentingan awam adalah berbeza menurut keadaan, masa tempat dan sifat sesuatu kes. Oleh itu adalah menjadi tugas kepada mahkamah untuk memberikan pertimbangan yang lebih kepada kepentingan awam, tetapi di dalam masa yang sama mempunyai tanggungjawab untuk mencapai keseimbangan di antara kepentingan awam dan kepentingan tertuduh (*Public Prosecutor v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102). Bagaimana keseimbangan itu dapat dicapai telah pun diterangkan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *PP v. Dato' Waad Mansor* [2005] 1 CLJ 421, iaitu:

> In *Lim Poh Tee v. Public Prosecutor* [2001] 1 SLR p. 674, it was held that the principle of deterrence dictated that the length of the custodial sentence awarded had to be a not insubstantial one in order to drive home the message that such offences would not be tolerated; but not so much as to be unjust in all the circumstances of the case. In this regard, the culpability of the offender, the circumstances of the offence, the aggravating and mitigating factors, and the sentences imposed in similar cases would be relevant considerations.

[8] Setelah mengambilkira keadaan di dalam kes ini, mahkamah berpendapat bahawa hukuman yang wajar dan sesuai dikenakan terhadap tertuduh di dalam kes ini hendaklah menunjukkan atau menggambarkan apa yang dikehendaki oleh masyarakat awam. Fakta menunjukkan bahawa perayu telah mula merogol anak tirinya sejak Ogos 2003 sehinggalah Februari 2005, dan tanpa mengira tempat termasuklah di pondok reban ayam. Perbuatan tersebut berlaku berulangkali sehingga mangsa mengandung dan melahirkan seorang anak. Inses bukan sahaja merupakan jenayah, tetapi adalah dosa yang sukar untuk dimaafkan oleh mana-mana masyarakat. Di dalam kes *Ismail Rasid v. PP* [1999] 4 CLJ 402, KN Segara J telah menyatakan bahawa hukuman bagi kesalahan inses hendaklah membayangkan kebencian masyarakat terhadap perbuatan yang jijik tersebut. Menurut mahkamah:

> Incest is a sin that can hardly be forgiven. Therefore, when a father **rapes** his daughter and is convicted in court, any sentence passed **must reflect the abhorrence of society** to such a heinous and despicable act. A sufficiently strong and effective signal must also be sent out to would-be rapists of this species that the court would not hesitate to come down hard on them, **in order to protect** those naive, helpless and innocent children who had placed unquestioning trust, faith, loyalty and confidence in their fathers to be role models as well as pillars of strength and protection at all times, only to see their lives shattered, humiliated and traumatized by an act of lust that could have easily been curbed and controlled by any self-respecting human being.

[9] Di dalam kes tersebut, mahkamah telah mengenakan hukuman penjara selama 20 tahun dan 5 sebatan bagi setiap kesalahan terhadap tertuduh. Manakala di dalam kes *PP v. Pretum Singh Lall Singh* [2004] 6 CLJ 521, mahkamah telah mengenakan hukuman penjara selama 20 tahun dan 15 sebatan terhadap bapa yang merogol anak sendiri. Hukuman-hukuman yang dijatuhkan menunjukkan bagaimana pendirian mahkamah di dalam kes sebegini. Ianya adalah merupakan isyarat kepada mana-mana orang yang berkecenderungan untuk melakukan jenayah sedemikian bahawa mereka akan berhadapan dengan hukuman yang berat jika melakukan kesalahan yang serupa. Ini adalah merupakan kehendak masyarakat dan diterjemahkan oleh mahkamah di dalam bentuk hukuman yang dikenakan. Di dalam kes *Chandra Sekaran Ramiyah & Anor v. PP* [2000] 3 CLJ 293, Haidar JCA menyatakan bahawa sungguhpun hakim dikehendaki untuk mempertimbangkan kepentingan tertuduh, bagaimanapun ianya juga hendaklah mempertimbangkan kepentingan orang ramai.

[10] Berdasarkan sebab-sebab yang dinyatakan, mahkamah berpendapat Hakim Sesyen telah tidak melakukan sebarang kekhilafan di dalam menjatuhkan hukuman kepada tertuduh. Malahan beliau telah mengambilkira dan mempertimbangkan kehendak masyarakat bagi jenayah sebegini. Selain dari itu, timbul juga persoalan sama ada pengakuan salah tertuduh boleh dipertimbangkan sebagai faktor peringanan kerana pada kebiasaannya mahkamah akan memberikan diskaun di dalam hukuman yang akan dijatuhkan jika seseorang tertuduh itu mengaku salah terhadap pertuduhan. Di dalam kes *Sau Soo Kim v. Public Prosecutor* [1975] 1 LNS 158, Lee Hun Hoe CJ Borneo telah menyatakan:

A

> Whether a person is a hardened criminal or not, I feel that a plea of guilty should be treated as a mitigating factor. It not only saves the country great expense of a lengthy trial but also saves time and inconvenience of many, particularly the witnesses ...

B **[11]** Seterusnya, di dalam kes *Yit Kean Hong v. PP* [2005] 4 CLJ 592 pula, Mahkamah Rayuan berpendapat bahawa seseorang tertuduh yang telah mengaku salah hendaklah diberikan diskaun atau kredit bagi pengakuannya itu melalui pengurangan di dalam hukuman. Berikut adalah petikan penghakiman di dalam kes tersebut:

C

> A plea of guilt is a mitigating factor (see *Zaidon Shariff v. Public Prosecutor* [1996] 4 CLJ 441). It is an accepted rule of practice that an accused should be given credit or discount for pleading guilty (see *Public Prosecutor v. Ravindran & Ors* [1992] 1 LNS 47; [1993] 1 MLJ 45). The extent of the reduction on account of a plea of guilty would be between one-quarter and one-third of what otherwise would have been the sentence (see *Mohamad Abdullah Ang Swee Keng v. Public Prosecutor* [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209). But it is not a strict rule as the court may refuse to grant any discount in cases where public interest demands a deterrent sentence (see *Zaidon, supra*).

D

E

[12] Bagaimanapun, pengakuan salah seseorang terhadap sesuatu pertuduhan bukanlah merupakan satu-satunya faktor yang akan dipertimbangkan oleh mahkamah di dalam menentukan hukuman yang sesuai untuk dikenakan terhadap seseorang tertuduh. Ianya bukanlah satu kaedah yang mesti digunapakai di dalam semua kes dan di dalam setiap keadaan. Pengakuan salah akan dipertimbangkan bagi faedah tertuduh hanya apabila semua faktor dan keadaan yang mengelilingi perlakuan jenayah tersebut menjustifikasikan pertimbangan sedemikian. Selain dari itu, sesuatu pengakuan salah tidak akan dipertimbangkan oleh mahkamah dan kepentingan awam akan mengatasi faktor-faktor peringanan yang dikemukakan oleh tertuduh. Menurut Augustine Paul JCA di dalam kes *Bachik Abdul Rahman v. PP* [2004] 2 CLJ 572:

F

G

H

> The position in law is that it is generally accepted that an accused person should be given credit or discount for pleading guilty (see *Sau Soo Kim v. PP* [1975] 1 LNS 158; [1975] 2 MLJ 134; *PP v. Sulaiman Ahmad* [1992] 4 CLJ 2283; [1992] 3 CLJ (Rep) 447; [1993] 1 MLJ 74; *PP v. Ravindran & Ors* [1992] 1 LNS 47; [1993] 1 MLJ 45). The discount that is given is normally a reduction of the sentence by about a third of what would otherwise have been imposed (see *Mohamad Abdullah Ang Swee*

I

Kang v. PP [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209; *PP v. Muhari Mohd Jani & Anor* [1999] 8 CLJ 430; *Christopher Khoo Ewe Cheng v. PP* [1998] 3 CLJ 705). However, this is not a strict rule as the court may, in the exercise of its discretion, refuse to grant any discount in an appropriate case (see *Zaidon Shariff v. PP* [1996] 4 CLJ 441; *Lee Say & Ors v.* PP [1985] 2 CLJ 155; [1985] CLJ (Rep) 683). Its application in favour of an accused depends on the facts and circumstances of each case (see *Wong Kai Chuen Philip v. PP* [1990] 1 LNS 146; [1991] 1 MLJ 321).

[13] Pada pendapat mahkamah, keadaan di dalam kes adalah mewajarkan mahkamah untuk tidak mengambilkira pengakuan salah tertuduh apabila kepentingan awam mengambil keutamaan di dalam kes tersebut.

[14] Begitu juga dengan faktor usia tertuduh, walaupun ianya boleh dipertimbangkan oleh mahkamah semasa menjatuhkan hukuman tetapi ianya hendaklah dipertimbangkan dengan mengambilkira kesan keseluruhan kesemua faktor-faktor lain (*PP v. Dato' Balwant Singh* [2002] 4 CLJ 155). Di dalam kes *Public Prosecutor v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102, mahkamah telah menyatakan bahawa usia tertuduh adalah merupakan hal perkara peribadi tertuduh, dan tidak sepatutnya diberikan weight yang terlalu banyak bagi peringanan sesuatu hukuman. Oleh yang demikian, pada hemat mahkamah faktor usia tertuduh yang telah menjangkau 52 tahun bukanlah satu-satunya faktor yang perlu dipertimbangkan oleh mahkamah, dan sepatutnya tidak dipertimbangkan langsung oleh mahkamah di dalam menjatuhkan hukuman bagi kesalahan sebegini.

[15] Seterusnya, tertuduh juga merayu kepada mahkamah supaya hukuman penjara yang dikenakan kepadanya dijalankan serentak dan bukannya berturutan. Harus diingat bahawa kedua-dua kesalahan tersebut adalah merupakan kesalahan yang berlainan dari segi waktu dan tempat dan pada prinsipnya kesalahan-kesalahan yang sedemikian hendaklah dijatuhkan hukuman-hukuman yang berasingan. Di dalam kes *Public Prosecutor v. Yap Huat Heng* [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ (Rep) 645 mahkamah telah menyatakan:

> In the circumstances of the present case I am in full agreement with the submission of the learned Deputy Public Prosecutor that the sentence imposed by the learned President was not only manifestly inadequate but also wrong in law. Where two or more distinct offences had been committed, sentences of imprisonment

should not be made to run concurrently. It should only be made concurrent when an offender had been convicted of a principal and a subsidiary offence.

In all other cases sentences should be made to run consecutively.

[16] Di dalam kes *Mohd Zandere Arifin v. PP* [2006] 5 CLJ 663, mahkamah telah menyatakan:

> Although the victim in the three charges was the same and although the offences were perpetrated at the same place, they were perpetrated on three different dates within the period of about seven months. In my judgment the sentences passed must truly reflect the fact that in this case the appellant had committed 3 distinct offences of incest and that he is being duly punished for the 3 distinct offences. This, to my mind, could only be achieved by ordering the 3 sentences to run consecutively. I realise that the term of 18 years imprisonment imposed on each count in this case was almost the maximum sentence which could be imposed for an offence of incest under s. 376B. I also realise that the cumulative effect of the sentences on the appellant (18 years x 3) will have a crushing effect on the appellant. However, this must be balanced against the very grave nature of the offences committed by the appellant and the demand of public interest on this type of offences.

[17] Oleh yang demikian, mahkamah berpendapat bahawa hukuman penjara yang berturut-turut yang dijatuhkan oleh Hakim Sesyen berkenaan adalah betul serta teratur menurut prinsip penghakiman yang telah sedia ada.

[18] Berdasarkan alasan-alasan di atas saya tidak berhasrat untuk campurtangan dengan hukuman-hukuman yang diberikan oleh Hakim Sesyen yang mengendalikan kes ini kerana ianya adalah teratur serta menurut lunas-lunas yang ditetapkan oleh undang-undang.